

EKSPLORASI GASTRONOMI KELANTAN MELALUI REKAAN TIPOGRAFI DIGITAL

*(EXPLORATION OF KELANTAN GASTRONOMY THROUGH DIGITAL
TYPOGRAPHY DESIGN)*

Izati Nabila Marzuki, Nurul Aisyah Othman,
Nor Asmidayu Mohamad Fauzi, & Sahrudian Mohamed Som

Abstrak

Kelantan negeri yang terletak di timur laut Malaysia mempunyai tradisi masakan yang kaya dipengaruhi oleh budaya Melayu, Thai dan Cina, Kelantan sangat terkenal dengan keunikan serta digelar syurga makanan disebabkan oleh keunikan makanan yang ada di negeri Kelantan. Walaupun kaya dengan keunikan makanan, promosi dalam bentuk media baharu mengenai masakan yang berasal dari negeri Kelantan khususnya dalam rekaan tipografi masih kurang diberi perhatian. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengembangkan serta meneroka mengenai perekaan tipografi dengan menggunakan tema makanan yang ada di negeri Kelantan sebagai salah satu eksplorasi dalam mempelbagaikan penggunaan media digital menerusi idea kreatif di samping mempromosikan makanan yang ada di negeri Kelantan dalam konteks tipografi digital. Dalam kajian ini, rekaan tipografi digital diteroka dengan menggunakan elemen makanan tradisional yang terdapat di negeri Kelantan sebagai asas utama. Kajian ini juga menilai bagaimana penggunaan tipografi digital dapat meningkatkan keterlihatan dan daya tarikan makanan Kelantan dalam konteks media baharu. Dengan memanfaatkan kreativiti dalam rekaan tipografi digital, kajian ini adalah bertujuan untuk mempromosikan makanan yang ada di negeri Kelantan kepada audiens dengan lebih meluas termasuk pelancong dan penduduk tempatan. Melalui pendekatan ini, bukan sahaja menawarkan cara baru dalam memperkenalkan makanan yang ada di negeri Kelantan, akan tetapi berpotensi untuk memajukan bidang komunikasi visual melalui penggunaan digital. Kajian ini juga meyumbang kepada perkembangan rekaan tipografi digital dan meningkatkan kesedaran tentang kekayaan gastronomi masakan negeri Kelantan.

Kata kunci: Gastronomi Kelantan, Tipografi Digital, Media Baharu, Promosi Makanan, Rekaan Tipografi

Abstract

Kelantan, a state located on the east coast of Malaysia, boasts a rich culinary tradition influenced by Malay, Thai and Chinese cultures. Known as a food paradise. Kelantan is celebrated for its unique cuisine. However, despite its culinary diversity the promotion of Kelantanese cuisine through new media particularly in typography design remains limited. This study aims to expand and explore typography design by using Kelantan's diverse food culture as a thematic foundation, creating an innovative approach to digital media while promoting Kelantanese cuisine within a digital typography context. The study focuses on

digital typography design by integrating traditional Kelantanese food elements as its primary basis. It also examines how digital typography can enhance the visibility and appeal of Kelantanese cuisine within the framework of new media. By leveraging creativity in digital typography design, this study seeks to promote Kelantanese food to a wider audience including tourists and residents. This approach not only offers a novel method for presenting Kelantan's culinary heritage but also has the potential to advance the field of visual communication through digital means. Furthermore, this study contributes to the development of digital typography design and raises awareness of the rich gastronomy of Kelantanese cuisine.

Keywords: *Kelantan Gastronomy, Digital Typography, New Media, Food Promotion, Typography Design*

PENGENALAN

Negeri Kelantan yang terletak di timur laut merupakan sebuah negeri yang kaya dengan warisan budaya dan tradisi yang unik (Faris & Faisal Ashaari, 2020). Pengaruh budaya Melayu, Thai dan Cina telah membentuk identiti negeri ini khususnya dalam aspek gastronomi. Makanan tradisional Kelantan seperti nasi kerabu, laksam, kuih cek mek molek dan kuih akok tidak hanya mencerminkan keanekaragaman budaya tetapi juga mewakili rasa dan aroma yang kaya yang mana menjadikannya dikenali sebagai syurga makanan (Md. Sharif et al., 2018). Namun begitu, walaupun keunikan makanan ini telah diakui promosi yang berkesan melalui media baharu masih kurang diberi perhatian. Terutama dalam rekaan tipografi digital, yang berpotensi besar dalam memperkenalkan dan mempromosikan makanan tradisional Kelantan kepada audiens yang lebih luas.


Kajian ini bertujuan untuk meneroka potensi penggunaan tipografi digital dalam mempromosikan makanan tradisional Kelantan dengan fokus kepada bagaimana elemen-elemen makanan ini boleh diintegrasikan ke dalam reka bentuk tipografi yang kreatif. Dengan menggunakan pendekatan, kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk memperkenalkan makanan Kelantan kepada masyarakat dengan lebih luas tetapi juga dapat meyumbang kepada perkembangan rekaan tipografi digital di Malaysia. Pendekatan ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan minat terhadap kekayaan gastronomi negeri Kelantan serta memperkukuh kedudukan makanan tradisional ini dalam konteks budaya dan ekonomi tempatan.

Makanan tradisional Kelantan adalah manifestasi yang jelas tentang kekayaan budaya dan sejarah negeri ini, dipengaruhi oleh tradisi Melayu serta sentuhan dari budaya Thai dan Cina (Siti Nor Alia Farhana Saidi, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2024). Makanan seperti Nasi Kerabu, yang disajikan dengan pelbagai jenis ulam dan budu bukan sahaja menonjolkan keunikan rasa tetapi juga menggambarkan gaya hidup masyarakat tempatan yang mesra alam dan menghargai keseimbangan alam. Kuih Muhih seperti akok, ketupat palas dan tepung pelita pula menggambarkan pengaruh budaya Melayu dan Thai yang kuat dengan rasa yang unik dan tekstur yang memikat. Akok, dengan tekstur yang lembut dan rasa manis lemak, adalah contoh bagaimana pengaruh Thai diterjemahkan ke dalam masakan tradisional Melayu. Manakala tepung pelita, dengan lapisan santan dengan tepung beras yang halus, menawarkan pengalaman rasa yang penuh nostalgia mengingatkan kita kepada kemanisan dan kelembutan dalam budaya Kelantan.

Keunikan makanan Kelantan bukan sahaja terletak pada rasa yang unik dan berbeza, tetapi juga pada nilai budaya yang dibawa. Setiap hidangan mempunyai cerita dan sejarahnya tersendiri yang mencerminkan kehidupan dan tradisi masyarakat Kelantan (Md Ramli et al., 2017). Kajian oleh Abdullah, (2019) meneliti hubungan antara makanan dan tradisi masyarakat Kelantan dengan menekankan bahawa makanan bukan sahaja sebagai keperluan fizikal tetapi juga sebagai simbol budaya yang penting dalam kehidupan sosial dan ritual. Abdullah membincangkan bagaimana makanan tradisional seperti nasi kerabu dan ketupat sotong digunakan dalam pelbagai upacara, termasuk perkahwinan, kenduri dan perayaan agama yang membantu mengekalkan nilai dan norma budaya dalam masyarakat Kelantan. Melalui kajian ini, jelaslah bahawa makanan tradisional

memainkan peranan yang kritikal dalam menghubungkan individu dengan identiti budaya mereka dan memperkuat nilai-nilai sosial yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain (Raji et al., 2017). Dalam era globalisasi ini, promosi makanan-makanan ini melalui pendekatan media baharu terutamanya dalam konteks digital, menjadi sangat penting untuk memastikan warisan budaya ini terus hidup dan dikenali oleh generasi seterusnya serta pelancong dari luar negara.

TEORI SEMIOTIK DALAM KOMUNIKASI VISUAL



Rajah 1. Carta Aliran Penggunaan Teori Semiotik dalam Perekaan Visual

Dalam menyokong penghujahan kajian ini, teori semiotik oleh Roland Barthes (1967) digunakan sebagai kerangka asas untuk memahami bagaimana topografi dapat mempengaruhi atau memperkuat identiti budaya Kelantan. Teori semiotik menekankan bahawa tanda-tanda visual, termasuk tipografi, bukan sahaja berfungsi untuk menyampaikan mesej tetapi juga sebagai sistem simbol yang membawa makna budaya yang lebih mendalam. Dalam konteks ini, elemen visual seperti warna biru bunga telang, tekstur lembut kuih akok, atau bentuk unik kuih cek mek molek, dapat dilihat sebagai tanda-tanda yang merujuk kepada naratif budaya Kelantan.

Tipografi digital yang dibangunkan dalam kajian ini berfungsi sebagai tanda simbolik, yang tidak hanya berfungsi untuk menarik perhatian tetapi juga menghubungkan audiens dengan nilai, tradisi, dan identiti budaya Kelantan. Sebagai contoh, huruf yang diinspirasi dari bentuk kuih tradisional boleh memberi kesan emosi kepada audiens dengan membangkitkan rasa nostalgia atau penghargaan terhadap warisan budaya. Ini selari dengan pandangan Barthes bahawa tanda-tanda visual dapat membawa makna denotasi (apa yang dilihat secara visual) dan konotasi (makna emosi dan budaya yang lebih mendalam). Dalam konteks globalisasi, pendekatan ini membantu memperkuat

identiti budaya Kelantan dengan memposisikan elemen tradisional sebagai simbol kebanggaan tempatan yang juga relevan di peringkat antarabangsa (Raji et al., 2017).

Pendekatan teori semiotik ini juga relevan untuk memahami cabaran yang wujud dalam menyeimbangkan elemen tradisional dengan konteks digital yang lebih global. Reka bentuk tipografi yang menggunakan elemen budaya tempatan bukan sahaja bertindak sebagai alat promosi tetapi juga sebagai cara untuk menentang homogenisasi budaya global (Faizahton Saidin et al., 2023). Sebagai medium visual, tipografi boleh menjadi "bahasa" yang memartabatkan budaya tempatan sambil memastikan ia dapat diterima oleh generasi muda dan audiens antarabangsa. Oleh itu, teori semiotik menjadi asas penting untuk menyokong penghujahan bahawa rekaan tipografi ini bukan sahaja estetika tetapi juga bermakna dalam memperkukuhkan identiti budaya Kelantan.


PEREKAAN TIPOGRAFI SEBAGAI SALAH SATU EKSPLORASI DALAM MEMPELBAGAIKAN PENGGUNAAN MEDIA DIGITAL

Tipografi adalah alat penting dalam komunikasi visual kerana kemampuannya untuk membangkitkan emosi manusia melalui gabungan bentuk dan teks naratif. Emosi dapat mendorong manusia mencipta imej dalam persekitaran mereka. Emosi mempunyai pengaruh yang kuat dan boleh digunakan untuk mewakili kualiti yang unik seperti yang dinyatakan oleh (Rob Carter, 2015) (Islam & Mazumder, 2010) "Tipografi dapat berfungsi dengan menyampaikan mesej, seperti seorang posmen yang menghantar surat, tetapi juga ia dapat menyediakan elemen dan inspirasi untuk permainan yang bebas. Melalui permainan huruf atau abjad, ekspresi jiwa penyampaian dapat disampaikan secara mekanikal dan simbolik lalu ia membuka jalan baharu dalam penyampaian mesej."

Tipografi digital merupakan suatu medium ekspresif yang menggabungkan elemen-elemen seni visual seperti reka bentuk grafik dan teks untuk menghasilkan karya yang bukan sahaja menarik tetapi juga berfungsi sebagai alat komunikasi yang efektif (Faggiano & Gallo, 2021). Dalam kajian ini, perekaan tipografi dengan menggunakan tema makanan tradisional Kelantan adalah satu bentuk eksplorasi yang berfokus kepada bagaimana elemen-elemen budaya tempatan dapat diintegrasikan ke dalam dunia digital. Ini adalah usaha untuk menampilkan keunikan budaya Kelantan dalam bentuk yang lebih moden dan relevan, terutama dalam era di mana media digital memainkan peranan penting dalam promosi dan penyebaran maklumat (Haleem et al., 2022).

Dengan menggunakan tema makanan tradisional Kelantan sebagai asas, tipografi yang direka bukan sahaja boleh mencerminkan keunikan dari segi warna, tekstur dan rasa, tetapi juga berpotensi untuk menarik perhatian audiens dengan cara yang lebih menarik. Integrasi daripada elemen-elemen ini ke dalam reka bentuk tipografi bukan sahaja berfungsi untuk mencipta identiti visual yang kuat untuk makanan yang ada di Kelantan, tetapi juga membuka ruang untuk mempelbagaikan penggunaan media digital (Faizahton Saidin et al., 2023). Ia menunjukkan bagaimana budaya tradisional boleh disesuaikan dan dihidupkan semula dalam konteks moden dengan menggunakan teknologi dan pendekatan kreatif. Ini bukan sahaja membantu dalam mempromosikan makanan Kelantan kepada audiens yang lebih luas tetapi juga meyumbang kepada perkembangan seni tipografi digital sebagai satu disiplin yang menggabungkan tradisi dan inovasi (Rupp, 2011).


Pendekatan ini juga menekankan pentingnya rekaan yang bukan sahaja estetik tetapi juga bermakna. Dengan mengaitkan elemen-elemen tipografi dengan ciri-ciri spesifik makanan Kelantan, karya ini menjadi lebih daripada sekadar hiasan malahan ia menjadi satu medium yang mampu menyampaikan cerita, rasa dan nilai budaya yang ada dalam setiap hidangan.



Rajah 2. Kajian awal sebelum pembangunan kepada idea perekaan tipografi




Rajah 3. Perekaan tipografi dengan idea asal kuih cek mek molek sebagai inspirasi




Rajah 4. Perekaan idea awal bagi penghasilan kepada tipografi yang menginspirasi nasi kerabu sebagai subjek utama.

Colour Ideation




Based on the design of the font is inspired and using with one of Nasi Kerabu ingredients. The colours are picked from the colour palette of Nasi Kerabu that could be suitable with the font. The third ideation has been chosen for the final choice as the ingredient itself naturally have the colours applied which look more suitable than the other colours.



Rajah 5. Perekaan idea awal dalam kajian warna bagi penghasilan kepada tipografi yang menginspirasi bahan yang terdapat dalam nasi kerabu

THE TASTE OF NASI KERABU ALPHABET



Rajah 6. Perekaan idea awal dalam kajian warna bagi penghasilan kepada tipografi yang menginspirasi bahan yang terdapat dalam nasi kerabu

MEMANFAATKAN KRETIVITI DALAM REKAAN TIPOGRAFI DIGITAL

Pendekatan ini juga menekankan pentingnya rekaan yang bukan sahaja estetik tetapi juga bermakna. Dengan mengaitkan elemen-elemen tipografi dengan ciri-ciri spesifik makanan Kelantan, karya ini

menjadi lebih daripada sekadar hiasan malahan ia menjadi satu medium yang mampu menyampaikan cerita, rasa dan nilai budaya yang ada dalam setiap hidangan. Tipografi digital mempunyai potensi besar dalam meningkatkan keterlihatan dan daya tarikan (Rosnidar binti Ain dan Mohd. Saleeh Rahamad, 2010) makanan tradisional Kelantan, terutamanya dalam era di mana media baharu seperti platform sosial media dan laman web menjadi alat utama untuk promosi dan penyebaran maklumat. Melalui tipografi yang direka khas dengan elemen makanan Kelantan, audiens dapat tertarik kepada aspek visual yang unik dan kreatif seterusnya memberi tumpuan lebih kepada produk makanan tersebut. Penggunaan tipografi digital yang kreatif dan inovatif bukan sahaja dapat menambah nilai estetika pada bahan promosi, tetapi juga dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan audiens terhadap keunikan makanan tradisional Kelantan.

Kreativiti dalam reka bentuk tipografi digital bukan sekadar tentang pemilihan fon atau warna, tetapi juga melibatkan pemahaman mendalam terhadap elemen budaya yang ingin disampaikan. Dalam konteks makanan Kelantan, kreativiti ini boleh dilihat dalam cara bagaimana elemen-elemen seperti bentuk, tekstur dan warna dari makanan tersebut diolah menjadi satu rekaan tipografi yang bukan sahaja menarik tetapi juga berfungsi sebagai alat komunikasi budaya. Contohnya, satu pendekatan kreatif atau menggunakan gaya tulisan Jawi untuk memberi sentuhan tradisional yang lebih mendalam.


Dalam bidang komunikasi visual, kajian terdahulu sering memberi fokus kepada rekaan grafik dan estetika visual untuk tujuan pemasaran dan pendidikan, dengan penekanan terhadap kebolegunaan umum (Rupp, 2011). Walau bagaimanapun, penyelidikan yang berorientasikan kepada elemen budaya, terutama dalam tipografi digital, masih terhad. Sebagai contoh, kajian oleh Faizahton Saidin et al. (2023) lebih menumpukan kepada penggunaan teknologi multimedia untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran, tanpa mengkhususkan integrasi elemen budaya tempatan. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada penerapan elemen visual makanan tradisional Kelantan seperti warna, tekstur, dan bentuk sebagai naratif budaya, sesuatu yang jarang diteroka dalam konteks tipografi digital. Kekangan utama dalam bidang ini ialah kesukaran untuk mengimbangi antara mengekalkan keaslian budaya dengan keperluan untuk mencipta reka bentuk yang relevan dengan era digital (Haleem et al., 2022). Oleh itu, kajian ini penting kerana ia bukan sahaja mempromosikan warisan budaya tempatan tetapi juga menyumbang kepada perkembangan teori komunikasi visual dengan menawarkan pendekatan baharu dalam penyampaian naratif budaya melalui media baharu.



Rajah 7. Carta Aliran Perincian Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan dua kumpulan utama sebagai sasaran kajian, iaitu pakar dan masyarakat awam bagi mendapatkan data kualitatif yang komprehensif. Sebanyak 12 pakar telah dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan kepakaran mereka dalam bidang masing-masing iaitu meliputi 4 pakar gastronomi, 4 pakar reka bentuk grafik dan 4 pakar media digital. Pakar gastronomi terdiri daripada chef berpengalaman, pakar rujuk akademik dalam bidang sejarah pelancongan dan pengusaha makanan tradisional yang memberi pandangan tentang elemen visual seperti warna bunga telang dalam nasi kerabu, tekstur kuih akok dan bentuk kuih cek mek molek. Pakar reka bentuk grafik dan tipografi pula menilai hasil reka bentuk dan tipografi menilai hasil reka bentuk berdasarkan kejelasan komunikasi visual, nilai estetik dan kebolegunaan reka bentuk dalam pelbagai media baharu (Rupp, 2011). Manakala pakar media digital meyumbangkan pandangan tentang penggunaan interaktif dan teknologi yang boleh ditambah baik untuk meningkatkan keterlihatan audiens, terutamanya memberikan cadangan dalam mempromosikan dalam platform media sosial (Haleem et al., 2022).

Selain itu, kajian ini turut melibatkan 40 pengguna awam yang terdiri daripada 20 penduduk tempatan dan 20 orang pelancong. Penduduk tempatan dipilih secara rawak, khususnya mereka yang sering berinteraksi dengan makanan tradisional Kelantan, manakala pelancong terdiri daripada pelancong domestik dan antarabangsa yang memberikan maklum balas tentang daya tarikan visual reka bentuk. Data dikumpulkan melalui tiga pendekatan utama iaitu temu bual mendalam, pemerhatian lapangan dan tinjauan persepsi pengguna. Temu bual bersama pakar memberikan data tentang bagaimana elemen makanan tradisional dapat diterjemahkan ke dalam tipografi digital. Pemerhatian lapangan pula mendokumentasikan ciri visual unik makanan tradisional Kelantan, seperti kombinasi warna dan tekstur makanan (Md. Sharif et al., 2018). Sementara itu, tinjauan soal selidik kualitatif digunakan untuk menilai persepsi pengguna terhadap reka bentuk tipografi awal.



Rajah 8. Graf Bar Dapatan Kajian

Hasil daripada dapat kajian menunjukkan bahawa pakar gastronomi menekankan kepentingan dalam mengekalkan elemen asli makanan Kelantan, seperti warna biru bunga telang untuk nasi kerabu bagi memastikan keaslian budaya dapat diterjemahkan secara visual (Md. Sharif et al., 2018). Pakar reka bentuk mencadangkan agar reka bentuk tipografi bersifat fleksibel supaya sesuai untuk pelbagai media, termasuk media cetak dan digital (Rupp, 2011). Manakala pakar media digital pula mencadangkan penggunaan elemen animasi atau interaktif dalam meningkatkan keterlibatan kepada audiens (Haleem et al., 2022). Di pihak pengguna, maklum balas daripada penduduk tempatan dan pelancong menyatakan bahawa elemen visual berasaskan budaya tempatan bukan sahaja memberi pengalaman yang unik tetapi juga mencerminkan identiti budaya secara autentik (Raji et al., 2017). Kajian ini menunjukkan proses dalam pengumpulan data telahpun melalui lima fasa utama iaitu pengumpulan data (temu bual, pemerhatian, dan tinjauan), analisis kandungan, reka bentuk eksperimen tipografi, penilaian reka bentuk oleh pakar dan penambahbaikan reka bentuk berdasarkan kepada maklum balas.

PENGHASILAN REKAAN TIPOGRAFI DIGITAL DALAM MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG KEKAYAAN GASTRONOMI MASAKAN NEGERI KELANTAN

Kajian ini mempunyai dua tujuan utama, yang pertama adalah untuk menghasilkan rekabentuk tipografi digital yang menarik dan berkesan manakala yang kedua adalah untuk meyumbang kepada perkembangan bidang tipografi digital di Malaysia. Dengan menumpukan perhatian kepada teman makanan yang ada di Kelantan, kajian ini berhasrat untuk menggabungkan elemen-elemen budaya dan seni tempatan ke dalam rekabentuk tipografi yang boleh digunakan dalam pelbagai platform media baharu. Usaha ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek estetik, tetapi juga berfungsi sebagai medium untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap kekayaan gastronomi negeri Kelantan (Alyani Nor Azazi et al., 2016).

Dengan memanfaatkan pendekatan yang moden dan kreatif, tipografi digital yang dihasilkan dapat memainkan peranan penting dalam mempromosikan makanan tradisional Kelantan kepada audiens yang lebih luas termasuk pelancong asing dan penduduk tempatan. Dalam konteks globalisasi yang semakin pesat, adalah penting untuk memastikan bahawa warisan budaya ini tidak hanya dipelihara tetapi juga dipromosikan secara berkesan dalam bentuk yang sesuai dengan selera dan minat generasi masa kini. Melalui penggunaan tipografi digital, makanan yang terdapat di negeri Kelantan dapat diperkenalkan dan dihidupkan semula serta disampaikan dengan cara yang lebih menarik dan relevan.

Kajian ini juga memberi peluang untuk memperkaya dan memperkuat bidang tipografi digital di Malaysia dengan memperkenalkan unsur-unsur tempatan yang unik (Siti Nor Alia Farhana Saidi Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2024). Dengan menggabungkan elemen-elemen budaya dan gastronomi Kelantan ke dalam rekaan tipografi, ia membuka ruang bagi pereka untuk bereksperimen dengan idea-idea baharu yang boleh memberi kesan positif terhadap industri rekabentuk di negara ini. Dalam jangka masa panjang, ini dapat membantu dalam membentuk identiti visual yang lebih kukuh bagi Malaysia di peringkat antarabangsa khususnya dalam bidang seni dan rekabentuk digital.

Selain itu, promosi makanan Kelantan melalui rekaan tipografi digital juga dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap nilai budaya dan sejarah yang terdapat dalam makanan tradisional negeri ini. Setiap rekaan yang dihasilkan bukan hanya sekadar untuk menarik perhatian, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan cerita dan makna di sebalik setiap hidangan. Dengan cara ini, tipografi digital dapat berfungsi sebagai jendela yang menghubungkan audiens dengan warisan budaya Kelantan menjadikannya lebih dikenali dan dihargai oleh generasi masa kini dan akan datang.

SUMBANGAN KAJIAN KEPADA BIDANG KOMUNIKASI VISUAL



Rajah 9. Carta Infografik Bagaimana Komunikasi Visual digunakan dalam Mempromosikan Budaya

Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada perkembangan bidang komunikasi visual, khususnya dalam pengintegrasian elemen budaya tempatan melalui rekaan tipografi digital. Kajian ini berbeza dengan kajian terdahulu dalam bidang komunikasi visual yang lebih menumpukan kepada aspek estetik atau kefungsian grafik dalam konteks pemasaran atau pendidikan. Sebaliknya, kajian ini membawa dimensi baharu dengan menekankan penggunaan tipografi sebagai alat untuk mempromosikan dan melestarikan identiti budaya, khususnya gastronomi Kelantan, dengan cara yang lebih kreatif dan inovatif. Pendekatan ini memperkenalkan penggunaan elemen budaya tempatan seperti warna, tekstur dan bentuk makanan tradisional sebagai asas dalam reka bentuk tipografi digital. Hal ini berpotensi memperkaya perbincangan akademik tentang bagaimana seni dan reka bentuk boleh digunakan untuk menyampaikan naratif budaya dalam konteks moden (Faizahon Saidin et al., 2023; Haleem et al., 2022).

Secara praktikal, kajian ini turut memberikan penyelesaian terhadap kekangan dalam mempromosikan warisan budaya di era globalisasi. Dalam dunia yang semakin dipenuhi dengan homogenisasi budaya melalui media global, penting untuk menyesuaikan teknologi digital untuk memperkenalkan dan mengekalkan identiti budaya tempatan yang unik. Selain itu, kajian ini membuka ruang bagi pengaplikasian teknologi dalam menghidupkan semula budaya tradisional, memberi peluang kepada generasi muda dan pelancong untuk menghargai keunikan gastronomi Kelantan dalam cara yang relevan dan menarik. Dengan menggunakan tipografi digital, kajian ini memberi sumbangan terhadap pemeliharaan dan promosi budaya serta memberi impak positif kepada perkembangan seni reka bentuk digital di Malaysia yang seringkali terhad kepada unsur global tanpa memberi perhatian yang cukup kepada budaya tempatan (Ibrahim, F., Nuraeni, T., Ahmad, F., Chang, P. K., & Mustaffa, N. 2012).

Justeru, kajian ini bukan sahaja memperluas cakupan kajian dalam bidang komunikasi visual sahaja, tetapi juga menekankan pentingnya pendekatan kreatif yang menggabungkan teknologi dan budaya dalam usaha melestarikan dan mempromosikan warisan tempatan menjadikannya lebih dikenali dan dihargai di peringkat global.

KESIMPULAN

Kesimpulan kajian ini menyatakan bahawa eksplorasi rekaan tipografi digital menggunakan elemen gastronomi Kelantan dapat memainkan peranan penting dalam mempromosikan makanan tradisional negeri ini. Melalui penerapan elemen visual yang berasaskan makanan, kajian ini membuktikan bahawa tipografi digital bukan sahaja berfungsi sebagai medium estetik tetapi juga sebagai alat komunikasi visual yang mampu meningkatkan keterlihatan dan daya tarikan makanan Kelantan dalam konteks media baharu.

Kajian ini turut menekankan bahawa promosi makanan melalui pendekatan ini dapat menarik perhatian pelancong dan masyarakat tempatan dengan cara yang lebih kreatif dan inovatif. Dengan menggunakan teori semiotik sebagai kerangka, tipografi ini tidak hanya bertindak sebagai alat komunikasi visual tetapi juga sebagai simbol budaya yang menyampaikan naratif warisan unik Kelantan kepada audiens yang lebih luas. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan kreatif dalam komunikasi visual mampu mengatasi cabaran homogenisasi budaya global dengan menonjolkan keunikan tempatan melalui platform digital yang relevan dan menarik.

Selain menyumbang kepada promosi budaya Kelantan, kajian ini membuka peluang kepada perkembangan teori komunikasi visual dengan memperkenalkan cara baru untuk mengintegrasikan elemen budaya ke dalam media baharu. Penggunaan reka bentuk yang estetik dan bermakna bukan sahaja dapat meningkatkan daya tarikan visual tetapi juga memupuk penghargaan terhadap nilai tradisi dan warisan. Oleh itu, tipografi digital ini berfungsi sebagai jendela penting untuk memastikan kelestarian budaya Kelantan, sambil memperkukuhkan posisinya di peringkat antarabangsa dalam era digital moden.

RUJUKAN

- Ali, T. I. M. T. M. (2007). *Teori Semiotik Peirce Dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastera. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1), 157-171.
- Alyani Nor Azazi, N., Ahmad, H., Jusoh, H., (2016). *Ekonomi pengalaman dalam sektor gastronomi dari lensa komuniti setempat. Jurnal GEOGRAFLA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 12 issue 11 (137-155).
- Barthes, R. (1967). *Elements of Semiology*. Hill and Wang.
- Carter, R. (2015) *Typographic Design: Form and Communication* (6th ed.). John Wiley & Sons.
- Faggiano, M. P., & Gallo, R. (2021). Content Analysis and Digital Data: Methodological Solutions between Tradition and Innovation. The Case of Digital Campaigns as Meeting Ground of Expertises and Research Perspectives. *Italian Sociological Review*, 11(4S), 293. <https://doi.org/10.13136/isr.v11i4S.436>
- Faizahon Saidin, N., Azimah, N., Bukhari, M., & Yue, W. S. (2023). *Penggunaan teknologi multimedia terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia. Journal of Issue in Education, Vol 46,2023, p 44-57*
- Ismail, I., Othman, M. R., Amir, N. M. A. H., Hadi, H. A., & Harun, Z. (2023). Pengaruh Warisan Budaya Lokal dalam Karya Seni Visual Kontemporari Seniman Generasi Muda di Malaysia, *KUPAS SENI* 11 (3), 83-90.
- Ibrahim, F., Nuraeni, T., Ahmad, F., Chang, P. K., & Mustaffa, N. (2012). Bahasa komunikasi visual dan pengantaraan produk: Satu analisis semiotik. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12(1), 257-273.
- Haleem, A., Javaid, M., Qadri, M. A., & Suman, R. (2022). Understanding the role of digital technologies in education: A review. *Sustainable Operations and Computers*, 3(February), 275–285.
- Md Ramli, A., Mohd Zahari, M. S., Abdul Halim, N., & Mohamed Aris, M. H. (2017). Knowledge on the Malaysian Food Heritage. *Asian Journal of Quality of Life*, 2(5), 31–42.
- Md. Sharif, M. S., Abdul Rahman, A. E., Mohd Zahari, M. S., & Mohamad Abdullah, K. (2018). Malay Traditional Food Knowledge Transfer. *Asian Journal of Quality of Life*, 3(10), 79–88.
- Perry, M. S. (2017). Feasting on culture and identity: Food functions in a multicultural and transcultural Malaysia. *3L: Language, Linguistics, Literature*, 23(4), 184–199. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raji, M. N. A., Ab Karim, S., Ishak, F. A. C., & Arshad, M. M. (2017). Past and present practices of the Malay food heritage and culture in Malaysia. In *Journal of Ethnic Foods* . Vol. 4, Issue 4, pp. 221–231. Elsevier B.V.
- Carter, Rob, Meggs, Philip B., Day, Ben, Maxa, Sandra, Sanders, Mark. (2015). *Typographic design : form and communication* (6th ed.). Hoboken, NJ: Wiley.
- Rosnidar binti Ain dan Mohd. Saleeh Rahamad. (2010). Karya Urban Kinetik Tipografi Dalam Puisi Siber. *Eprints UM* .
- Rupp, B. (2011). *Typographic and Image Explorations* [Tesis tidak diterbitkan]. University of Central Florida. <https://stars.library.ucf.edu/etd/1958>.
- Siti Nor Alia Farhana Saidi & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2024). Makanan tradisional masyarakat Melayu Kelantan dan Peranakan Siam Kelantan. *Jurnal Wacanasarjana*, 8(3), 1–13.

Izati Nabila Marzuki,
Jabatan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
Email: izatinabila@unimap.edu.my

Nurul Aisyah Othman,
Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan
Email: nurulaisyahothman@pis.edu.my

Nor Asmidayu Mohamad Fauzi,
Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), University Malaysia Sabah
Email: asmidayufauzi@ums.edu.my

Sahrudin Mohamed Som
Faculty of Creative Technology and Heritage
Email:sahrudin.ms@umk.edu.my

Received: 13th December 2024
Accepted: 16th December 2024
Published: 30th December 2024